



4 September 2015
4 September 2015
P.U. (B) 352

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

NOTIS LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN

NOTICE OF PROHIBITION OF DRIVING OF VEHICLES



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

NOTIS LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN

Menteri Kerja Raya bercadang untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], yang kesannya akan melarang pemanduan kenderaan di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua melainkan ke jalan arah yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama.

Bantahan terhadap cadangan itu, jika ada, mestilah dihantar secara bertulis pada atau sebelum 7 September 2015 kepada Bahagian Senggara Fasilitas Jalan, Blok D (Lama), Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur.

JADUAL PERTAMA

| (1) <i>Jalan yang baginya larangan terpakai</i> | (2) <i>Jalan</i> | (3) <i>Tempoh larangan</i> |
|---|--|---|
| Sebahagian jalan masuk ke Pusat Pelupusan Sisa Toksik, Bukit Nanas (Laluan 195) bermula dari km. 7.80 sehingga km. 8.2 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua | Kenderaan dari Seremban ke Sri Sendayan hendaklah menggunakan laluan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua | 19 September 2015 hingga 21 Februari 2016 |
| | Kenderaan dari Sri Sendayan ke Seremban hendaklah menggunakan laluan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua | 19 September 2015 hingga 21 Februari 2016 |